

19/06/1999

Aziz perjelas punca sokongan

WAKIL Terengganu, Aziz Ibrahim Awang, menegaskan perjuangan Umno sentiasa relevan dan ini terbukti dengan sokongan berterusan daripada rakyat, sekali gus menolak dakwaan negatif pembangkang.

Berucap membahaskan ucapan dasar presiden parti, beliau menegaskan sekiranya Umno tidak relevan, Umno sudah tentu tidak mendapat sokongan.

"Pembangkang kata parti Umno tidak relevan, tidak demokratik...kalau kita tidak relevan dan tidak demokratik, mengapa rakyat terus menyokong Umno," katanya.

Aziz juga memuji keberanian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melaksanakan dasar pemulihan ekonomi dengan cara sendiri walaupun mendapat kritikan hebat daripada pakar asing demi untuk menyelamatkan negara.

Selain itu, katanya, Perdana Menteri juga memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti selepas mempunyai bukti kesalahan yang dilakukan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

"Kini tindakan Perdana Menteri mengatasi kegawatan ekonomi sudah mendapat pengakuan daripada badan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa," katanya.

(END)